



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**  
**PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGESAHAN MODEL JENTERA MESIN ANGKAT**

**1. AKSES**

MySKUD hanya boleh diakses melalui MyKKP. Pemohon perlu mempunyai akaun MyKKP untuk mengakses MySKUD.

**2. SKOP PERMOHONAN**

Permohonan ini hanya terpakai untuk 6 jenis jentera sahaja iaitu mobile crane, crawler crane, auger crane, mobile elevating work platform, truck mounted crane dan injection type piling machine yang mana kelulusan diberi berdasarkan model, pembuat serta negara pembuat yang sama dan pernah mendapat kelulusan sebelum ini oleh pemohon lain.

**3. PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN**

<b>BUTIRAN ( Field )</b>	<b>NOTA PENERANGAN</b>
1) Nama & Alamat Pemohon	Nama dan alamat pemohon adalah seperti nama tempat kerja yang diaktifkan di dalam MyKKP
2) Jenis Jentera	Jenis jentera mesin angkat yang ingin dimohon. Terdapat 6 jenis jentera sahaja iaitu mobile crane, crawler crane, auger crane, truck mounted crane, mobile elevating work platform dan injection type piling machine
3) Nama Pembuat	Nama pembuat asal mesin angkat yang dimohon
4) Negara Pembuat	Negara di mana mesin angkat yang dimohon dibina
5) Model	Model mesin angkat yang dimohon
6) No. Siri	Nombor siri yang diberi oleh pembuat untuk mesin angkat yang dimohon.
7) Tahun Dibina	Tahun mesin angkat yang dimohon dibina.
8) Beban Kerja Selamat Maksima	Kapasiti mengangkat maksima mesin angkat yang dimohon dalam Kilogram.
9) Koda Rekabentuk	Standard, koda rekabentuk atau arahan jentera yang digunapakai oleh perekabentuk/pembuat untuk merekabentuk dan membina mesin angkat yang dimohon (Contohnya BS EN 280, Directive/2006/42/EC). Pemohon boleh merujuk kepada pembuat asal atau sijil pembuat.
10) Nama Pemilik	Nama pemilik mesin angkat tersebut.
11) Maklumat Tambahan Lain	Lain-lain maklumat untuk menjelaskan tujuan permohonan

	Untuk permohonan jentera terpakai, sila jelaskan latar belakang jentera tersebut
--	--

**\*\*\* Maklumat di dalam butiran permohonan mesti tepat dan jelas. Permohonan akan ditolak sekiranya pemohon gagal mengisi butiran permohonan mengikut garis panduan yang ditetapkan.**

#### **4. DOKUMEN SOKONGAN**

Kedua-dua dokumen sokongan berikut adalah wajib untuk permohonan ini:

<b>No</b>	<b>DOKUMEN</b>	<b>NOTA PENERANGAN</b>
1	Katalog/Spesifikasi Teknikal/Carta Beban	Katalog adalah dokumen dari pembuat asal yang menyatakan dengan jelas spesifikasi teknikal jentera seperti model, SWL, kuasa, carta beban dan mengandungi penerangan berkaitan jentera .
2	Sijil Pembuat/Declaration of Conformity	Sijil pembuat yang dikeluarkan oleh pembuat asal menyatakan butiran jentera seperti jenis, model, tahun dibina, koda rekabentuk dan maklumat pembuat.  "Declaration of conformity" adalah sijil pengesahan yang dikeluarkan oleh pembuat atau badan pemeriksa bebas.

**\*\*\* Pemohon diingatkan untuk memastikan setiap dokumen sokongan dimuat naik ke folder yang berkenaan. Kesilapan memuat naik dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan tersebut ditolak.**

#### **5. KADAR BAYARAN**

Tiada pembayaran dikenakan bagi permohonan.

#### **6. PIAGAM PELANGGAN**

Permohonan yang dikemukakan berserta dokumen yang lengkap akan diproses dalam tempoh 8 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.